

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DR. ONG KIAN MING [SERDANG]

TARIKH : 20.11.2014

SOALAN :

Dr. Ong Kian Ming [Serdang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan untuk mendedahkan peruntukan Kerajaan yang diberikan kepada Universiti Perdana di bawah Kerjasama Awam Swasta dan mengapa pembiayaan ini harus terus diberikan memandangkan kegagalan UP untuk membayar yuran kepada Universiti Johns Hopkins yang menyebabkan JHU memutuskan segala talian dengan program PUGSOM.

JAWAPAN

Berdasarkan maklumat yang diterima dari Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), seramai 77 orang pelajar yang ditaja oleh JPA di Universiti Johns Hopkins, melibatkan pelajar kemasukan tahun 2011, 2012 dan 2013. Manakala, dua (2) orang adalah pelajar antarabangsa di bawah tajaan persendirian (*self sponsored*). Sehingga tahun 2013, sejumlah RM32.69 juta telah dibelanjakan bagi membiayai pelajar berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penajaan JPA ditangguhkan bagi sesi 2014 sehingga isu pelajar bertanggung diselesaikan kerana isu penarikan balik kerjasama oleh Universiti Johns Hopkins.